

16/06/2002

Tiada kuota kemasukan ke UTAR: Dr Ling

MELAKA: MCA tidak akan mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) termasuk ke Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, sebarang langkah untuk mengenakan sistem kuota hanya menyekat peluang pelajar Bumiputera sedangkan fungsi penubuhan IPTS adalah untuk memberi pendidikan kepada semua kaum.

"Secara umum saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak mengenakan sebarang kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke IPTS.

"MCA melihat ini sebagai sesuatu yang positif dan sepatutnya tidak ada had untuk pelajar Bumiputera memasuki IPTS," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan kuih Chang di A'Famosa Resort, Alor Gajah, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden MCA yang juga Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn; Setiausaha MCA negeri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Wira Poh Ah Tiam dan Pengarah Urusan A'Famosa Resort, Datuk Alex Lau.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata sebarang langkah untuk mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke IPTS akan menyekat serta mengehadkan jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Beliau berkata, jika kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera untuk memasuki IPTS, bermakna hanya jumlah itu boleh masuk sedangkan ramai lagi yang layak.

Ditanya persediaan UTAR menerima kemasukan pelajar Bumiputera, beliau yang juga pengerusinya berkata: "Kita sedia menerima dan menimbang permohonan yang diterima".

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata UTAR menerima empat permohonan pelajar Bumiputera untuk kemasukan baru-baru ini tetapi seorang saja menerima tawaran manakala tiga lagi menolak.

Beliau berkata, sebagai keluarga dalam Barisan Nasional, MCA bersikap terbuka dan sedia berbincang dengan mana-mana pihak.

(END)